



SEMINAR TERTUTUP
PEMANTAPAN NILA ISLAM
DALAM SISTEM ADAT PERPATIH

KERTAS KERJA 2

ISLAM DAN PANDANGANNYA
TERHADAP BUDAYA SETEMPAT

Oleh

Profesor Madya Dr. Balkis bte Hj. Abu Bakar
Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pada

24hb. - 25hb. November 1997

Anjuran

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
dengan kerjasama
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

ISLAM DAN PANDANGAN TERHADAP BUDAYA SETEMPAT

Kemunculan Islam di Makkah al-Mukarramah menggegarkan institusi sosial dan politik bandar tersebut dan menimbulkan kekecuan dikalangan anggota masyarakatnya. Kertas kerja ini akan cuba melihat dan meneroka pandangan Islam terhadap budaya orang-orang Arab di Makkah dan kawasan di sekelilingnya dari perspektif Islam dengan mengemukakan beberapa contoh yang bersesuaian dengan hukum Islam dan budaya-budaya yang bertentangan dengan Islam untuk dijadikan panduan masyarakat Islam hari ini.

Sejarah mencatatkan bahawa Islam lahir di Semenanjung Tanah Arab atau lebih tepat lagi di Hijaz, sebuah kawasan dimana terletak bandar Makkah, Madinah dan Taif. Tiga buah bandar yang mempunyai signifikan dalam perkembangan sejarah Islam. Makkah sepertimana yang tersebut diatas merupakan bandar kelahiran Islam. Bandar ini didiami oleh suku-suku kaum Quraysh dari berbagai puak termasuklah puak banu Hashim, banu Abd al-Mutalib, banu Abd Shams, banu Umayyah, banu Aday dan berbagai-bagai lagi. Kesemua kelompok qabilah mempunyai kedudukan dan hairaki tersendiri didalam masyarakat Makkah. Makkah pada ketika itu diperintah oleh sekumpulan elit Quraysh dan markaz pemerintahan ialah Dar al-Nadwah. Dar al-Nadwah mempunyai pengaruh yang besar dalam sebarang keputusan dan tindakan yang dibuat berkaitan dengan isu-isu ekonomi, agama dan sosial masyarakat Quraysh. Dar al-Nadwah hanya dianggotai oleh orang-orang yang berkedudukan dari keluarga terkaya dan berpengaruh di Makkah dan hanya orang-orang yang berumur 40 tahun keatas sahaja yang dapat menganggotai Dar al-Nadwah. Namun demikian berlaku juga pengecualian apabila Abu Lahab b. Abd al-Mutalib dilantik menjadi anggota Dar al-Nadwah sebelum berumur 40 tahun. Pengecualian ini disebabkan oleh kepintaran Abu Lahab yang luar biasa.

Kelahiran Islam yang membawa akidah tauhid dan ajaran baru yang berteraskan hukum Allah menggugat institusi qabilah yang ada. Walau pun Islam mengakui wujudnya puak dan qabilah dalam kehidupan manusia seperti firman Allah ayat 13 surah al-Hujurat :-

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Bermaksud : *"Bahawa Allah menjadikan manusia berbangsa - bangsa dan berqabilah untuk sama-sama mengenali antara satu dengan lain dan orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa".*

Islam tidak dapat menerima budaya berqabilah yang amat menonjolkan kekuatan seseorang, perbezaan yang wujud dalam struktur qabilah dan hirarki dan yang ada di dalamnya sehingga menolak dan mengenyampingkan unsur - unsur kemanusiaan yang lain. Diskriminasi yang ada dalam sistem qabilah seperti penghinaan terhadap mereka yang lemah dan tidak terbela. Sebagai contoh penyiksaan yang dilakukan oleh ketua - ketua qabilah Quraisy ke atas Zayd b Harithah dan Bilal b Rabah di tahap pertama dakwah Islamiyah amat ditentang oleh Islam. Konsep Islam ialah persamaan hak kemanusiaan dan persaudaraan sejagat tanpa melihat bangsa dan kaum, warna kulit dan paras rupa. Sebab itulah selepas perpindahan orang Islam ke Madinah Rasulullah mengiklankan persaudaraan Islam antara Muhajirin dan Ansar, orang merdeka dan hamba, orang Arab dan bukan Arab. Islam seterusnya cuba menghapuskan unsur - unsur qabilah dan suku kaum dalam masyarakat Islam walau pun fenomena ini terus hidup hingga ke hari ini, mungkin disebabkan oleh unsur - unsur penjajahan yang cuba memecahbelahkan penyatuan umat Islam secara menyeluruh.

Sistem qabilah yang wujud dikalangan orang Arab lebih mengutamakan nasab bapa (umamah) di dalam tindakan dan urusan kehidupan. Orang - orang Arab amat bangga dan bermegah dengan keturunan bapa mereka. Itulah keadaan yang dapat dilihat pada nama - nama yang digunapakai dalam masyarakat Arab dan nasab memainkan peranan penting dalam usaha menonjolkan sesuatu puak di samping ianya berperanan dalam menjatuhkan sesuatu qabilah. Sistem yang dipakai oleh orang Arab diakui oleh Islam dan pemakaian itu berterusan hingga ke hari ini. Namun begitu nasab ibu juga (khuulah) diakui akan dapat memberi sumbangan yang nyata dalam perkembangan Islam di tahap permulaannya. Sebagai contoh hubungan Rasulullah s.a.w. dengan keluarga di sebelah pihak ibunya yang banyak memberi sokongan dan dorongan di dalam penghijrahannya ke Yathrib. Keluarga ibunya berasal dari daerah ini.

Suatu budaya yang diikuti di zaman jahilliyah ialah penanaman anak - anak perempuan yang agak berleluasa dilakukan oleh qabilah - qabilah Arab. Ada di kalangan qabilah yang melakukan penanaman anak lelaki juga. Alasan - alasan yang diberikan ialah anak perempuan membawa sial kepada keluarga, membawa malu di samping alasan kemiskinan dan kefaqiran yang menimpa mereka di sebabkan oleh anak perempuan. Allah menggambarkan situasi ini di dalam Al Quran: Surah at-Takwir ayat 8-9. Firman Allah:

وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ . بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ

Surah an-An'am ayat 151:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقَ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

Surah al-Isra' ayat 31:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنْ قَتَلْتُمْ كَانَ خَطِئًا كَبِيرًا

Orang Arab juga tidak mengiktiraf kemanusiaan wanita. Wanita ialah barangan yang boleh dijual beli dan dipusakai oleh anak - anak. Misalnya seseorang anak lelaki boleh mewarisi isteri - isteri bapanya dengan hanya melontar kain kepada wanita tersebut. Wanita itu dengan sendirinya menjadi hak milik anak yang membolehkannya melakukan sebarang tindakan terhadap ibu tirinya itu, menjualnya, mengahwininya sendiri atau dikahwinkan dengan orang lain tanpa mengambil pandangan dan izin wanita tersebut dan mahar perkahwinan wanita itu diambil oleh anak lelaki tadi. Budaya Arab juga tidak memberikan hak mempusakai harta kepada anak - anak perempuan Hal ini menyempitkan kehidupan wanita kerana terpaksa tunduk di bawah tekanan saudara - saudara lelakinya (adik atau abang) untuk hidup. Namun demikian tidak dinafikan bahawa banyak wanita Arab mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat Jahiliyah. Contohnya Sayyidah Khadijah, isteri Rasulullah s.a.w. mempunyai kedudukan, kekayaan dan berpengaruh dalam urusan perniagaannya. Hind bint Utbah, isteri Abu Sufyan b. Harb, seorang pemimpin Quraysh dari keturunan bani Umayyah, mempunyai pengaruh yang besar pada zaman jahiliah dan zaman permulaan Islam. Dia menuntut bela kematian bapa dan saudaranya yang terbunuh dalam peperangan Badar. Keanguhannya membuatkan Hind memerintah supaya dada Sayyidina Hamzah b. al-Muttalib dibuka dalam peperangan Uhud supaya dia dapat memamah hati Hamzah r.a. Wanita-wanita yang mempunyai kedudukan ini biasanya dari keturunan yang mulia dan qabilah yang dihormati dalam masyarakat.

Kedatangan Islam membasmiikan adat-adat yang tersebut diatas disamping meningkatkan martabat wanita supaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki. Islam juga memberikan hak-hak kepada wanita yang tidak pernah diberikan oleh mana-mana masyarakat sama ada di timur ataupun di barat sebelum ini. Hak wanita sebagai seorang insan dalam hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia, hak

sosial, hak politik dan lain-lain. Sungguh pun persamaan antara lelaki dan perempuan diberikan didalam beberapa aspek kehidupan, namun perbezaan antara kedua, keutamaan antara satu dengan lain juga nyata diterangkan di dalam al-Quran. Misalnya dalam pembahagian harta pusaka. Syariat Islam dalam Hukum Faraid menetapkan :

1. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat : 11

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِ كَرِمِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيْنِ

Bermaksud : "Allah mewasiatkan kepada anak-anak kamu, bagi lelaki dua bahagian dari harta pusaka yang diperuntukkan".

2. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat : 176

فَلِلَّذِ كَرِمِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيْنِ

Bermaksud : "Maka bagi lelaki dua bahagian dari harta pusaka yang diperuntukkan".

Pembahagian dua bahagian harta pusaka bagi anak lelaki sudah pasti mempunyai hikmah dan falsafah tertentu. Lelaki adalah ketua dalam rumahtangga dan keluarga. Keistimewaan yang diberi kepada lelaki dengan menerima dua bahagian harta disertakan dengan tugas dan tanggungjawab yang mesti dipenuhi. Pemberian nafkah kepada anak isteri dan nafkah kepada ibu bapa juga saudara-saudara perempuan dibawah jagaannya merupakan tanggung jawab seorang ketua rumah dan ketua keluarga. Islam melihat realiti ini dan memberikan keistimewaan diatas kesedaran bahawa tanggung jawab ekonomi mempunyai implikasi besar dalam kehidupan rumahtangga. Islam seterusnya mengingatkan umat manusia supaya jangan berangan-angan untuk mendapat keistimewaan yang diberikan kepada orang lain, kerana naluri manusia selalu berhasad dengki terhadap kelebihan orang. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat : 32

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Bermaksud : "Janganlah kamu bercita-cita untuk mendapatkan kelebihan yang diberikan oleh Allah diantara kamu, bagi lelaki bahagian diatas usaha yang dilakukannya dan bagi perempuan bahagian diatas usaha yang dilakukannya, tanyalah tuhanmu atas kelebihan itu, bahawasanya Allah mengetahui segala-galanya".

Beberapa budaya dan adat orang arab jahili ialah budaya dan adat yang berkaitan dengan perkahwinan. Beberapa rupa dan adat perkahwinan wujud dikalangan orang arab dan berbagai jenis perkahwinan disebut didalam buku-buku warisan arab dan didalam syair-syair mereka. Perkahwinan biasa menjadi ikutan sebilangan besar masyarakat, iaitu pinangan yang dilakukan oleh keluarga lelaki kepada bapa, abang, adik dan bapa saudara perempuan, atau pinangan yang dilakukan oleh keluarga perempuan kepada keluarga lelaki, seperti yang dilakukan oleh Sayyidah Khadijah kepada bapa saudara Nabi Muhammmad s.a.w. Perkahwinan jenis ini diakui oleh Islam dan diikuti hingga kehari ini, walaupun ada cara dan peraturan yang berbeza antara orang Islam yang kadangkala dipengaruhi oleh adat dan budaya bangsa masing-masing.

Orang-orang arab menggemari isteri yang ramai, ada antara mereka yang mengahwini lebih dari 10 isteri disamping hamba perempuan yang mereka miliki. Tujuan mempunyai isteri yang ramai ialah untuk melahirkan zuriat yang ramai, kerana bilangan anak-anak yang ramai adalah sumber kekuatan kabilah, namun demikian anak lelaki menjadi keutamaan kerana pada tanggapan mereka anak-anak lelaki akan mempertahankan maruah kabilah dengan kekuatan yang ada pada mereka, terutama sekali apabila menghadapi peperangan. Islam mengiktiraf sistem poligami tetapi meghadkan bilangan isteri kepada empat oang sahaja.

Orang-orang arab lebih suka sekiranya anak-anak perempuan mereka berkahwin dengan lelaki dari kabilah yang sama. Ini akan memudahkan hubungan antara keluarga lelaki dan perempuan dan hubungan anak menantu dengan ibu bapa mereka. Hukum Islam membolehkan perkahwinan dengan keluarga terdekat, misalnya perkahwinan antara sepupu sama ada dari sebelah bapa atau ibu. Namun demikian Islam mengharamkan seorang lelaki dari berkahwin dengan dua orang wanita yang bersaudara, iaitu adik dan kakak menjadi isteri kepada seorang lelaki. Fenomena ini amat ketara berlaku di zaman jahiliah sepertimana yang diterangkan dalam al-Quran, firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 23 :

وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا

Bermaksud : *"Jangan kamu himpunkan antara dua bersaudara perempuan melainkan apa yang telah berlaku. Bahawasanya Allah maha pengampun dan penyayang."*

Pengambilan anak angkat juga merupakan budaya masyarakat Jahili. Anak angkat biasanya dinamakan dengan nama bapa angkat dan dinisbahkan dengan nama qabilah bapa angkatnya. Anak angkat ini mempunyai kedudukan dan hak yang sama seperti anak-anak qabilah itu sendiri. Islam tidak membenarkan penamaan anak angkat dengan nama bapa angkatnya, kerana penamaan itu akan melibatkan implikasi sosial yang berbagai. Antaranya :

1. Hubungan dan pergaulan anak angkat dengan ibu dan bapa angkatnya dan hubungan anak angkat dengan keluarga angkatnya yang sudah pasti bukan muhrimnya.
2. Pembahagian harta pusaka. Anak angkat tidak berhak menerima harta pusaka peninggalan ibu atau bapa angkatnya. Pemberian harta pusaka hanya dapat diberikan melalui wasiat atau pemindahan hak oleh keluarga angkat sebelum mereka meninggal.
3. Bapa angkat tidak boleh menjadi wali kepada perkahwinan anak angkat perempuan. Anak angkat itu perlu mencari wali dari keluarga asalnya.

Contoh yang nyata dan terang berlaku kepada Rasulullah sendiri. Sebelum kedatangan Islam Rasulullah telah mengambil Zayd b. Harithah sebagai anak angkatnya dan memanggil Zayd dengan Zayd b. Muhammad. Setelah Islam lahir, Allah memerintahkan supaya Zayd dinamakan kepada bapanya sendiri iaitu Harithah. Sejak dari ketika itu Zayd dikenali dengan nama Zayd b. Harithah dan beliau telah memberikan khidmat baktinya yang amat berkesan dalam perkembangan Islam.

Kesimpulan :

Fakta-fakta sejarah yang disebutkan diatas menunjukkan dengan jelas bahawa Islam dalam menghadapi budaya setempat menerima sebahagian dari budaya-budaya yang telah diikuti oleh masyarakat tersebut disamping tidak menerima dan menolak sebahagian dari budaya-budaya setempat dengan alasan-alasan yang kuat dan nyata.

Penerimaan Islam terhadap budaya setempat tentulah berasaskan kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang digariskan oleh syariah.

1. Budaya-budaya yang menjadi amalan setempat mestilah tidak bertentangan dengan asas Aqidah Islamiah seperti mensyirikkan Allah dengan kepercayaan tahayyul dan budaya kurafat yang masih banyak diamalkan oleh masyarakat Islam hari ini. Sebagai contoh budaya orang arab mempercayai tukang-tukang sihir atau dalam istilah sejarah dinamakan 'kuhhan'. Kepercayaan terhadap tukang-tukang sihir melampaui batas aqidah hingga sampai ketahap mensyirikkan Allah.
2. Budaya-budaya yang menjadi amalan masyarakat setempat mestilah tidak bertentangan dengan Syariat Islam yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Rasul s.a.w. dan amalan yang ditinggalkan oleh para shabat r.a. Sekiranya budaya yang diamalkan oleh umat Islam dari berbagai bangsa dan keturunan mengharuskan sesuatu yang haram mengikut syariah, maka sudah pasti budaya begitu ditolak dan tidak boleh diterima oleh Islam.

Sebagai masyarakat Islam yang berpegang teguh dengan aqidah tauhid dan pengamal hukum-hukum syariah dalam kehidupan harian, maka kita perlu melihat dan memahami apabila berlakunya pertembungan antara aqidah dan syariat Islam dengan budaya yang diamalkan oleh masyarakat, sama ada budaya itu satu budaya yang telah berakar umbi atau budaya yang baru diamalkan. Maka adalah wajib kita mengutamakan aqidah Islam dan menegakkan hukum-hukum syariah yang telah difardukan oleh Allah keatas Umat Manusia.

Wallahu aalam, wabillahi at-taufiq wa al-hidayah.

Disediakan oleh :

Balkis binti Haji Abu Bakar (Prof Madya, Dr)
Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.

ISLAM DAN PANDANGAN TERHADAP BUDAYA SETEMPAT

Kemunculan Islam di Makkah al-Mukarramah menggegarkan institusi sosial dan politik bandar tersebut dan menimbulkan kekecuan dikalangan anggota masyarakatnya. Kertas kerja ini akan cuba melihat dan meneroka pandangan Islam terhadap budaya orang-orang Arab di Makkah dan kawasan di sekelilingnya dari perspektif Islam dengan mengemukakan beberapa contoh yang bersesuaian dengan hukum Islam dan budaya-budaya yang bertentangan dengan Islam untuk dijadikan panduan masyarakat Islam hari ini.

Sejarah mencatatkan bahawa Islam lahir di Semenanjung Tanah Arab atau lebih tepat lagi di Hijaz, sebuah kawasan dimana terletak bandar Makkah, Madinah dan Taif. Tiga buah bandar yang mempunyai signifikan dalam perkembangan sejarah Islam. Makkah sepertimana yang tersebut diatas merupakan bandar kelahiran Islam. Bandar ini didiami oleh suku-suku kaum Quraysh dari berbagai puak termasuklah puak banu Hashim, banu Abd al-Mutalib, banu Abd Shams, banu Umayyah, banu Aday dan berbagai-bagai lagi. Kesemua kelompok qabilah mempunyai kedudukan dan hairaki tersendiri didalam masyarakat Makkah. Makkah pada ketika itu diperintah oleh sekumpulan elit Quraysh dan markaz pemerintahan ialah Dar al-Nadwah. Dar al-Nadwah mempunyai pengaruh yang besar dalam sebarang keputusan dan tindakan yang dibuat berkaitan dengan isu-isu ekonomi, agama dan sosial masyarakat Quraysh. Dar al-Nadwah hanya dianggotai oleh orang-orang yang berkedudukan dari keluarga terkaya dan berpengaruh di Makkah dan hanya orang-orang yang berumur 40 tahun keatas sahaja yang dapat menganggotai Dar al-Nadwah. Namun demikian berlaku juga pengecualian apabila Abu Lahab b. Abd al-Mutalib dilantik menjadi anggota Dar al-Nadwah sebelum berumur 40 tahun. Pengecualian ini disebabkan oleh kepintaran Abu Lahab yang luar biasa.

Kelahiran Islam yang membawa akidah tauhid dan ajaran baru yang berteraskan hukum Allah menggugat institusi qabilah yang ada. Walau pun Islam mengakui wujudnya puak dan qabilah dalam kehidupan manusia seperti firman Allah ayat 13 surah al-Hujurat :-

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Bermaksud : *"Bahawa Allah menjadikan manusia berbangsa - bangsa dan berqabilah untuk sama-sama mengenali antara satu dengan lain dan orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa"*.

Islam tidak dapat menerima budaya berqabilah yang amat menonjolkan kekuatan seseorang, perbezaan yang wujud dalam struktur qabilah dan hirarki dan yang ada di dalamnya sehingga menolak dan mengenyahkan unsur - unsur kemanusiaan yang lain. Diskriminasi yang ada dalam sistem qabilah seperti penghinaan terhadap mereka yang lemah dan tidak terbela. Sebagai contoh penyiksaan yang dilakukan oleh ketua - ketua qabilah Quraisy ke atas Zayd b Harithah dan Bilal b Rabah di tahap pertama dakwah Islamiyah amat ditentang oleh Islam. Konsep Islam ialah persamaan hak kemanusiaan dan persaudaraan sejagat tanpa melihat bangsa dan kaum, warna kulit dan paras rupa. Sebab itulah selepas perpindahan orang Islam ke Madinah Rasulullah mengiklankan persaudaraan Islam antara Muhajirin dan Ansar, orang merdeka dan hamba, orang Arab dan bukan Arab. Islam seterusnya cuba menghapuskan unsur - unsur qabilah dan suku kaum dalam masyarakat Islam walau pun fenomena ini terus hidup hingga ke hari ini, mungkin disebabkan oleh unsur - unsur penjajahan yang cuba memecahbelahkan penyatuan umat Islam secara menyeluruh.

Sistem qabilah yang wujud dikalangan orang Arab lebih mengutamakan nasab bapa (umamah) di dalam tindakan dan urusan kehidupan. Orang - orang Arab amat bangga dan bermegah dengan keturunan bapa mereka. Itulah keadaan yang dapat dilihat pada nama - nama yang digunapakai dalam masyarakat Arab dan nasab memainkan peranan penting dalam usaha menonjolkan sesuatu puak di samping ianya berperanan dalam menjatuhkan sesuatu qabilah. Sistem yang dipakai oleh orang Arab diakui oleh Islam dan pemakaian itu berterusan hingga ke hari ini. Namun begitu nasab ibu juga (khuulah) diakui akan dapat memberi sumbangan yang nyata dalam perkembangan Islam di tahap permulaannya. Sebagai contoh hubungan Rasulullah s.a.w. dengan keluarga di sebelah pihak ibunya yang banyak memberi sokongan dan dorongan di dalam penghijrahannya ke Yathrib. Keluarga ibunya berasal dari daerah ini.

Suatu budaya yang diikuti di zaman jahilliyah ialah penanaman anak - anak perempuan yang agak berleluasa dilakukan oleh qabilah - qabilah Arab. Ada di kalangan qabilah yang melakukan penanaman anak lelaki juga. Alasan - alasan yang diberikan ialah anak perempuan membawa sial kepada keluarga, membawa malu di samping alasan kemiskinan dan kefaqiran yang menimpa mereka di sebabkan oleh anak perempuan. Allah menggambarkan situasi ini di dalam Al Quran: Surah at-Takwir ayat 8-9. Firman Allah:

وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ . بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ

Surah an-An'am ayat 151:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقَ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

Surah al-Isra' ayat 31:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنْ قَتَلْتُمْ كَانَ خَطِئًا كَبِيرًا

Orang Arab juga tidak mengiktiraf kemanusiaan wanita. Wanita ialah barangan yang boleh dijual beli dan dipusakai oleh anak - anak. Misalnya seseorang anak lelaki boleh mewarisi isteri - isteri bapanya dengan hanya melontar kain kepada wanita tersebut. Wanita itu dengan sendirinya menjadi hak milik anak yang membolehkannya melakukan sebarang tindakan terhadap ibu tirinya itu, menjualnya, mengahwininya sendiri atau dikahwinkan dengan orang lain tanpa mengambil pandangan dan izin wanita tersebut dan mahar perkahwinan wanita itu diambil oleh anak lelaki tadi. Budaya Arab juga tidak memberikan hak mempusakai harta kepada anak - anak perempuan Hal ini menyempitkan kehidupan wanita kerana terpaksa tunduk di bawah tekanan saudara - saudara lelakinya (adik atau abang) untuk hidup. Namun demikian tidak dinafikan bahawa banyak wanita Arab mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat Jahiliyah. Contohnya Sayyidah Khadijah, isteri RasulAllah s.a.w. mempunyai kedudukan, kekayaan dan berpengaruh dalam urusan perniagaanya. Hind bint Utbah, isteri Abu Sufyan b. Harb, seorang pemimpin Quraysh dari keturunan bani Umayyah, mempunyai pengaruh yang besar pada zaman jahiliah dan zaman permulaan Islam. Dia menuntut bela kematian bapa dan saudaranya yang terbunuh dalam peperangan Badar. Keanguhannya membuatkan Hind memerintah supaya dada Sayyidina Hamzah b. al-Muttalib dibuka dalam peperangan Uhud supaya dia dapat memamah hati Hamzah r.a. Wanita-wanita yang mempunyai kedudukan ini biasanya dari keturunan yang mulia dan qabilah yang dihormati dalam masyarakat.

Kedatangan Islam membasmiikan adat-adat yang tersebut diatas disamping meningkatkan martabat wanita supaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki. Islam juga memberikan hak-hak kepada wanita yang tidak pernah diberikan oleh mana-mana masyarakat sama ada di timur ataupun di barat sebelum ini. Hak wanita sebagai seorang insan dalam hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia, hak

sosial, hak politik dan lain-lain. Sungguh pun persamaan antara lelaki dan perempuan diberikan didalam beberapa aspek kehidupan, namun perbezaan antara kedua, keutamaan antara satu dengan lain juga nyata diterangkan di dalam al-Quran. Misalnya dalam pembahagian harta pusaka. Syariat Islam dalam Hukum Faraid menetapkan :

1. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat : 11

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِ كَرِمِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ

Bermaksud : "Allah mewasiatkan kepada anak-anak kamu, bagi lelaki dua bahagian dari harta pusaka yang diperuntukkan".

2. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat : 176

فَلِلَّذِ كَرِمِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ

Bermaksud : "Maka bagi lelaki dua bahagian dari harta pusaka yang diperuntukkan".

Pembahagian dua bahagian harta pusaka bagi anak lelaki sudah pasti mempunyai hikmah dan falsafah tertentu. Lelaki adalah ketua dalam rumahtangga dan keluarga. Keistimewaan yang diberi kepada lelaki dengan menerima dua bahagian harta disertakan dengan tugas dan tanggungjawab yang mesti dipenuhi. Pemberian nafkah kepada anak isteri dan nafkah kepada ibu bapa juga saudara-saudara perempuan dibawah jagaannya merupakan tanggung jawab seorang ketua rumah dan ketua keluarga. Islam melihat realiti ini dan memberikan keistimewaan diatas kesedaran bahawa tanggung jawab ekonomi mempunyai implikasi besar dalam kehidupan rumahtangga. Islam seterusnya mengingatkan umat manusia supaya jangan berañgan-angan untuk mendapat keistimewaan yang diberikan kepada orang lain, kerana naluri manusia selalu berhasad dengki terhadap kelebihan orang. Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat : 32

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Bermaksud : "Janganlah kamu bercita-cita untuk mendapatkan kelebihan yang diberikan oleh Allah diantara kamu, bagi lelaki bahagian diatas usaha yang dilakukannya dan bagi perempuan bahagian diatas usaha yang dilakukannya, tanyalah tuhanmu atas kelebihan itu, bahawasanya Allah mengetahui segala-galanya".

Beberapa budaya dan adat orang arab jahili ialah budaya dan adat yang berkaitan dengan perkahwinan. Beberapa rupa dan adat perkahwinan wujud dikalangan orang arab dan berbagai jenis perkahwinan disebut didalam buku-buku warisan arab dan didalam syair-syair mereka. Perkahwinan biasa menjadi ikutan sebilangan besar masyarakat, iaitu pinangan yang dilakukan oleh keluarga lelaki kepada bapa, abang, adik dan bapa saudara perempuan, atau pinangan yang dilakukan oleh keluarga perempuan kepada keluarga lelaki, seperti yang dilakukan oleh Sayyidah Khadijah kepada bapa saudara Nabi Muhammmad s.a.w. Perkahwinan jenis ini diakui oleh Islam dan diikuti hingga kehari ini, walaupun ada cara dan peraturan yang berbeza antara orang Islam yang kadangkala dipengaruhi oleh adat dan budaya bangsa masing-masing.

Orang-orang arab menggemari isteri yang ramai, ada antara mereka yang mengahwini lebih dari 10 isteri disamping hamba perempuan yang mereka miliki. Tujuan mempunyai isteri yang ramai ialah untuk melahirkan zuriat yang ramai, kerana bilangan anak-anak yang ramai adalah sumber kekuatan kabilah, namun demikian anak lelaki menjadi keutamaan kerana pada tanggapan mereka anak-anak lelaki akan mempertahankan maruah kabilah dengan kekuatan yang ada pada mereka, terutama sekali apabila menghadapi peperangan. Islam mengiktiraf sistem poligami tetapi meghadkan bilangan isteri kepada empat oang sahaja.

Orang-orang arab lebih suka sekiranya anak-anak perempuan mereka berkahwin dengan lelaki dari kabilah yang sama. Ini akan memudahkan hubungan antara keluarga lelaki dan perempuan dan hubungan anak menantu dengan ibu bapa mereka. Hukum Islam membolehkan perkahwinan dengan keluarga terdekat, misalnya perkahwinan antara sepupu sama ada dari sebelah bapa atau ibu. Namun demikian Islam mengharamkan seorang lelaki dari berkahwin dengan dua orang wanita yang bersaudara, iaitu adik dan kakak menjadi isteri kepada seorang lelaki. Fenomena ini amat ketara berlaku di zaman jahiliah sepertimana yang diterangkan dalam al-Quran, firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 23 :

وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا

Bermaksud : *"Jangan kamu himpunkan antara dua bersaudara perempuan melainkan apa yang telah berlaku. Bahawasanya Allah maha pengampun dan penyayang."*

Pengambilan anak angkat juga merupakan budaya masyarakat Jahili. Anak angkat biasanya dinamakan dengan nama bapa angkat dan dinisbahkan dengan nama qabilah bapa angkatnya. Anak angkat ini mempunyai kedudukan dan hak yang sama seperti anak-anak qabilah itu sendiri. Islam tidak membenarkan penamaan anak angkat dengan nama bapa angkatnya, kerana penamaan itu akan melibatkan implikasi sosial yang berbagai. Antaranya :

1. Hubungan dan pergaulan anak angkat dengan ibu dan bapa angkatnya dan hubungan anak angkat dengan keluarga angkatnya yang sudah pasti bukan muhrimnya.
2. Pembahagian harta pusaka. Anak angkat tidak berhak menerima harta pusaka peninggalan ibu atau bapa angkatnya. Pemberian harta pusaka hanya dapat diberikan melalui wasiat atau pemindahan hak oleh keluarga angkat sebelum mereka meninggal.
3. Bapa angkat tidak boleh menjadi wali kepada perkahwinan anak angkat perempuan. Anak angkat itu perlu mencari wali dari keluarga asalnya.

Contoh yang nyata dan terang berlaku kepada Rasulullah sendiri. Sebelum kedatangan Islam Rasulullah telah mengambil Zayd b. Harithah sebagai anak angkatnya dan memanggil Zayd dengan Zayd b. Muhammad. Setelah Islam lahir, Allah memerintahkan supaya Zayd dinamakan kepada bapanya sendiri iaitu Harithah. Sejak dari ketika itu Zayd dikenali dengan nama Zayd b. Harithah dan beliau telah memberikan khidmat baktinya yang amat berkesan dalam perkembangan Islam.

Kesimpulan :

Fakta-fakta sejarah yang disebutkan diatas menunjukkan dengan jelas bahawa Islam dalam menghadapi budaya setempat menerima sebahagian dari budaya-budaya yang telah diikuti oleh masyarakat tersebut disamping tidak menerima dan menolak sebahagian dari budaya-budaya setempat dengan alasan-alasan yang kuat dan nyata.

Penerimaan Islam terhadap budaya setempat tentulah berasaskan kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang digariskan oleh syariah.

1. Budaya-budaya yang menjadi amalan setempat mestilah tidak bertentangan dengan asas Aqidah Islamiah seperti mensyirikkan Allah dengan kepercayaan tahayyul dan budaya kurafat yang masih banyak diamalkan oleh masyarakat Islam hari ini. Sebagai contoh budaya orang arab mempercayai tukang-tukang sihir atau dalam istilah sejarah dinamakan 'kuhhan'. Kepercayaan terhadap tukang-tukang sihir melampaui batas aqidah hingga sampai ketahap mensyirikkan Allah.
2. Budaya-budaya yang menjadi amalan masyarakat setempat mestilah tidak bertentangan dengan Syariat Islam yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Rasul s.a.w. dan amalan yang ditinggalkan oleh para shabat r.a. Sekiranya budaya yang diamalkan oleh umat Islam dari berbagai bangsa dan keturunan mengharuskan sesuatu yang haram mengikut syariah, maka sudah pasti budaya begitu ditolak dan tidak boleh diterima oleh Islam.

Sebagai masyarakat Islam yang berpegang teguh dengan aqidah tauhid dan pengamal hukum-hukum syariah dalam kehidupan harian, maka kita perlu melihat dan memahami apabila berlakunya pertembungan antara aqidah dan syariat Islam dengan budaya yang diamalkan oleh masyarakat, sama ada budaya itu satu budaya yang telah berakar umbi atau budaya yang baru diamalkan. Maka adalah wajib kita mengutamakan aqidah Islam dan menegakkan hukum-hukum syariah yang telah difardukan oleh Allah keatas Umat Manusia.

Wallahu aalam, wabillahi at-taufiq wa al-hidayah.

Disediakan oleh :

Balkis binti Haji Abu Bakar (Prof Madya, Dr)
Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.